

29/09/2003

PM ulangi nasihat usah rebut jawatan penting

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menasihatkan pemimpin kanan Umno jangan berebut jawatan terutama Timbalan Presiden parti itu selepas beliau berundur.

Presiden Umno itu berkata, mereka hendaklah sentiasa berpegang kepada amalan yang baik dan mengelak daripada perebutan yang boleh membawa perpecahan parti.

"Saya berpendapat kalau pun ada (perebutan kuasa) dalam parti komponen, perebutan kuasa akhirnya dapat diselesaikan dengan cara bijak," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini sekembalinya daripada lawatan ke London, Sweden, New York dan Monaco.

Dr Mahathir diminta mengulas sama ada beliau bimbang jika berlaku perebutan kuasa untuk jawatan tertentu dalam Umno khususnya Timbalan Presiden apabila beliau bersara pada 31 Oktober ini.

Ditanya apakah nasihat beliau kepada pemimpin kanan Umno bagi mengelak perebutan itu, Perdana Menteri berkata, mereka perlu berpegang kepada amalan yang baik.

Ketika berucap pada perhimpunan raksasa sempena Ulang Tahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa Barisan Nasional (BN) di Stadium Merdeka, 20 September lalu, Dr Mahathir melahirkan rasa gembira kerana tiada perebutan kuasa apabila penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepemimpinan negara akhir bulan depan.

Lebih 30,000 hadirin terdiri daripada pemimpin semua 14 parti komponen dan ahli Parlimennya serta penyokong gabungan itu dari seluruh negara, hadir pada perhimpunan terakhir seumpamanya dihadiri Perdana Menteri.

Di Monaco kelmarin, Dr Mahathir berkata, beliau menyandang jawatan Perdana Menteri sehingga 31 Oktober ini dan sudah membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu.

Abdullah yang akan mengambil alih kepemimpinan parti dan kerajaan daripada Dr Mahathir dijangka menamakan timbalannya awal November.